

KUALA TERENGGANU – Pelajar dari Terengganu merupakan antara warga Malaysia yang terperangkap dalam peperangan akibat krisis politik yang melanda Yaman ketika ini.

Berdasarkan maklumat tidak rasmi, kebanyakan pelajar yang berada di republik bergolak itu adalah dalam kalangan mereka yang menyambung pengajian dengan tanggungan sendiri.

Kerajaan Terengganu akan mengarahkan Yayasan Terengganu (YT) mendapatkan maklumat lanjut melalui Wisma Putra untuk mendapatkan kesahihan jumlah sebenar pelajar Terengganu yang berada di negara terbabit.

Pengerusi Jawatankuasa Pelajaran, Pengajian Tinggi dan Tugas-tugas Khas negeri, Ghazali Taib berkata, walaupun tiada pelajar Terengganu direkodkan menyambung pengajian di sana khususnya melalui tanggungan kerajaan negeri, namun pihaknya tetap mengambil inisiatif mengenal pasti pelajar terbabit supaya tindakan lanjut boleh diambil.


“Di bawah kerajaan negeri, tiada pelajar yang dihantar ke Yaman tetapi bagi yang tanggung pengajian sendiri, kita tiada maklumat, tiada data, tiada identiti mereka dan tidak tahu kursus pengajian yang diambil kerana mereka tidak melaporkan kepada kita.

“Apapun kita minta YT bersiap sedia. Kita akan minta YT dapatkan maklumat di Wisma Putra kerana kita tidak boleh kenal pasti secara langsung memandangkan kita juga tiada pegawai di sana,” katanya kepada *Sinar Harian*, di sini.

Berita dalam *AFP* dalam *Sinar Harian* semalam melaporkan, Kementerian Dalam Negeri Yaman mengisytiharkan perintah berkurung di Sana'a susulan pertempuran semakin me-

Setiap detik bunyi tembakan

Sinar 23/9/14 MS15



mereka.

“Empat hari lepas, setiap detik bunyi tembakan dan bom. Tidaklah takut sangat. Cuma sedikit gemetar.

“Sekarang agak baik setelah dipindahkan ke tempat lebih selamat,” katanya.

Syed Husain yang juga aktivis media dan ahli Kumpulan Aktivis Media Independan (Kami) merupakan pelajar Sarjana Muda Pengajian Islam, mula menyambung pengajian pada awal tahun ini di Universiti Naseer, di ibu negara Yaman, Sana'a, awal tahun ini.

Menceritakan perkara itu, Syed Husain berkata, keadaan yang mencemaskan beberapa hari lalu menyebabkan semua universiti ditutup termasuk Universiti Naseer.

Dia yang menyewa di Street 30 di Sana'a yang menjadi tempat penempatan pelajar Malaysia berkata, pihak pemberontak turut menasarkannya Universiti Iman yang berada di kawasan sama.

Katanya, ketidakstabilan politik di Yaman berlaku berikutan pihak pemberontak mahu menggulingkan presidennya, Ali Abdullah Soleh.

Minta keluarga jangan bimbang

Lebih membimbangkan apabila dia yang belajar dengan tanggungan sendiri menjelaskan, lapangan terbang turut ditutup sebelum ini kerana jalan menghala ke sana dikatakan turut termasuk dalam zon perang.

Bagaimanapun katanya, dia dan pelajar Malaysia lain berada dalam keadaan selamat di lokasi sementara yang disediakan Kedutaan Malaysia di Sana'a yang jaraknya kira-kira lima kilometer dari zon perang.

“Kepada keluarga di kampung, diharap jangan bimbang kerana kami di sini selamat tetapi keluarga sudah sedia maklum menerusi media *Al-Jazeera*,” katanya.

muncak antara pemberontak Syiah, Houthi dan tentera Sunni.

Jurucakap kementerian berkata, perintah berkurung itu terpaksa dikuatkuasakan selepas kedua-dua pihak menggunakan senjata berat dalam pertempuran yang kini merebak hingga ke pusat bandar.

Ghazali berkata, data pelajar akan dikumpulkan bagi memudahkan pihaknya bertindak jika sebarang arahan dikeluarkan selepas ini.

"Buat masa ini kita tidak mendapat apa-apa arahan daripada Kementerian Dalam Negeri.

"Kita minta pelajar yang berada di sana juga tidak terlibat dengan aktiviti keganasan dan ibu bapa juga hubungi anak masing-masing minta supaya mereka cari alternatif terbaik untuk pulang ke Malaysia," katanya.

Berdasarkan maklumat tidak rasmi, kerajaan negeri tidak menolak kewujudan pelajar Terengganu di kawasan bergolak itu dan sedang

memberi perhatian terhadap perkara tersebut.

Dengar dentuman bom

Seorang pelajar Terengganu di Yaman, Syed Husain Solahuddin Syed Hassan, 23, ketika menghubungi *Sinar Harian* melalui aplikasi *WhatsApp* berkata, dia mendengar dentuman bom dan bunyi tembakan setiap detik.

Walaupun itu pengalaman pertama namun katanya, keadaan itu tidak begitu merisaukan

Syed Husain turut menjelaskan, hasrat untuk menyambung kembali pelajaran yang tertangguh tidak pernah luntur dan mengharapkan rakyat Malaysia mendoakan keadaan di Yaman kembali aman sambil menyifatkan Yaman sebagai bumi iman dan penuh hikmah.

Dalam masa sama, Syed Husain turut mengucapkan tahniah kepada Persatuan Pelajar Malaysia Yaman (Permaya) kerana bertungkus-lumus memastikan keadaan pelajar di sana selamat.



Beginilah keadaan pelajar Malaysia yang ditempatkan di lokasi sementara yang disediakan oleh Kedutaan Malaysia di Sana'a.



Tentera anti kerajaan melaungkan ungkapan protes terhadap pimpinan negara itu selepas berjaya menawan pusat pemeriksaan di utara wilayah Sana'a, kelmarin. Foto: AFP